

Peniaga Melayu gagal kerana rebut peluang terhad: Dr. M.

BH 25 NOV 1978

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, menasihatkan orang-orang Melayu yang menceburkan diri dalam lapangan perniagaan supaya menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap satu-satu perniagaan saja dan bukannya merebut segala peluang perniagaan yang ada, jika hendak berjaya.

Apa yang berlaku sekarang, katanya ramai kalangan orang Melayu bersaing hebat sesama sendiri untuk mendapat seberepa banyak peluang perniagaan yang boleh, walau pun menyedari mereka tidak mampu menjayakannya.

Akibatnya, peluang-peluang perniagaan tersebut terpaksa dibahagi-bahagikan kepada pecahan-pecahan kecil dan akhirnya mereka yang rugi.

Berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-7 Dewan Perlombongan Melayu Malaysia di sini hari ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata:

Salah satu sebab kegagalan orang Melayu dalam perniagaan ialah "mereka suka

IPOH, Isnin

bersaing hebat merebut peluang-peluang yang terhad."

Kerana sikap demikianlah, peniaga-peniaga Melayu berkenaan gagal mendapatkan keuntungan besar oleh sebab peluang-peluang yang disediakan kerajaan terpaksa dipecah-pecahkan sesama mereka, tambahnya.

Setengah peniaga Melayu tidak berkemampuan menjalankan bidang-bidang perniagaan tertentu dan kesudahannya perniagaan itu diserahkan kepada pihak lain menguruskannya, dengan pihak peniaga Melayu berkenaan hanya mendapat bayaran royalti yang kecil.

"Dengan itu saya mencadangkan supaya peniaga-peniaga Melayu khusus atau menumpukan sepenuh usaha terhadap satu-satu bidang perniagaan saja sekiranya mereka belum bersedia bergiat dalam rangkaian perniagaan," katanya.

Sementara itu berucap di majlis perasmian kilang J.A. Crabtree Sd. Bhd. di kawasan perindustrian Tasek di sini terdahulu dari ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, langkah kerajaan menarik para pelabur ke negara ini bukan kerana kerajaan mengalami kesulitan kewangan.

Begitu juga, kita bukan menggalakkan kemasukan para pelabur untuk menindas tenaga pekerja tempatan.

Tapi apa yang kita mahu, katanya ialah menambah peluang-peluang pekerjaan baru bagi rakyat, tegasnya.

Kilang tersebut yang mengeluarkan alat elektrik 'circuit breaker' adalah usahasama Malaysia-British.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, memang benar kos tenaga buruh di negara ini murah, tapi tidak bererti para pekerjanya ditindas.

Putar belit

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir setengah golongan di negara ini sengaja memutarbelitkan dakwaan bahawa Malaysia mempunyai tenaga pekerja yang rendah kosnya.

Para pekerja tempatan, katanya dibayar gaji berdasarkan taraf hidup negara ini.

Dengan itu dakwaan kos tenaga pekerja yang rendah tidak timbul di negara ini.

"Memanglah benar gaji yang dibayar kepada pekerja kita 10 kali lebih rendah dari yang dibayar di negara lain seperti Jepun, tapi hendaklah diingat bahawa sebiji epal di Jepun berharga kira-kira 16 kali lebih tinggi dari yang dijual di negara ini," ujarnya.